



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**03 Ogos 2023  
16 Muharam 1445H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ikan patin, tilapia terpaksa dijual murah</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sungai Pahang jadi 'padang pasir'</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>The Star</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>New Straits Time</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Nanyang Siang Pau</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Gazette</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harakah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysiakini</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Bernamea</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Borneo Post (KK)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Guan Ming Daily</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Sabah Media</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL	/	34	03/08/2023


## Ikan patin, tilapia terpaksa dijual murah

**MARAN:** Seorang pengusaha ikan sangkar di Kampung Tanjung Berangan, Chenor di sini terpaksa menjual lebih satu tan ikan patin dan tilapia yang diternaknya dengan harga RM16 sekilogram kerana masalah sungai cetek kesan fenomena El-Nino yang melanda negara.

Harga itu adalah terlalu rendah berbanding harga pasaran ikan tersebut yang dianggarkan antara RM23 hingga RM25 sekilogram.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengusaha terbabit, Mohd. Fadzli Abdul Malik, 43, berkata, lapan sangkar ikan miliknya seolah-olah berada di atas daratan kerana paras air sekitar 0.3048 meter akibat dipenuhi pasir sungai.

"Video tular dalam media sosial yang memaparkan keadaan di kawasan sangkar hasil hantaran Chik Asan seorang penyanyi



**SANGKAR** ikan milik Mohd. Fadzli Abdul Malik seolah-olah berada di atas daratan berikutan paras air Sungai Pahang yang semakin cetek akibat fenomena El-Nino di Kampung Tanjung Berangan di Maran, Pahang. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

lagu-lagu loghat Pahang berjaya menarik perhatian orang ramai yang berpusu-pusu dari Temerloh, Maran, Bera dan Kuantan untuk ke Chenor bagi memborong ikan dalam tempoh tiga jam sahaja.

"Saya terpaksa menjual segera ikan patin dan tilapia dengan harga borong iaitu RM16 sekilogram bagi mengelakkan kerugian. Purata berat ikan sekitar setengah kilogram yang sepatutnya matang dua bulan

lagi," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mohd. Fadzli berkata, masalah kemarau melanda negeri ini sejak beberapa bulan lalu memberi kesan kepada banyak pengusaha ikan sangkar kerana paras Sungai Pahang semakin surut saban hari.

Dia yang lebih dikenali sebagai Mamat menambah, akibatnya, banyak ternakan mati kerana peningkatan suhu air berikutan paras air cetek.

Tambahnya, lapan sangkar miliknya sudah diangkat ke daratan dan hanya menunggu air Sungai Pahang kembali ke paras biasa dalam tempoh tiga bulan lagi.

"Saya bersyukur dengan sokongan orang ramai yang membeli secara runcit dan borong dapat mengatasi kerugian yang lebih besar," katanya yang berpengalaman memelihara ikan sangkar selama enam tahun.



UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH	
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	✓	NEUTRAL	17	3.8.2023



BEGINILAH keadaan Sungai Pahang yang kering hingga menjejaskan penternakan ikan sangkar di beberapa kampung berdekatan.



ROSMAWATI (kiri) dan Rosmanira melihat sangkar ikan patin dan tilapia yang terjejas ekoran Sungai Pahang menjadi cetek dan mengering ekoran cuaca panas.

Pengusaha ikan sangkar tanggung rugi, fenomena luar biasa

# Sungai Pahang jadi 'padang pasir'

Oleh AZIZAH SHAFIEI

**TEMERLOH** - Penternak ikan patin sangkar di sini, rugi besar apabila Sungai Pahang yang selama ini dianggap lubuk pendapatan bagi bertukar menjadi 'padang pasir' selepas airnya kering ekoran cuaca panas yang melanda sejak beberapa bulan lalu.

Penduduk Kampung Tanjung Berangan dekat Kampung Pesagi, Chenor, Rosmawati Sulaiman, 41, berkata, dia belum pernah lihat dan terfikir Sungai Pahang seolah-olah menjadi padang pasir.

Katanya, cuaca panas dan tiada taburan hujan yang banyak dari hulu telah membentuk beting pasir di sepanjang sungai di beberapa kampung berdekatan.

"Ja telah menghadkan aktiviti nelayan dan menyebabkan sege-lintir pengusaha ikan sangkar tanggung rugi.

"Saya ternak ikan sejak 2020 tetapi kali ini benar-benar terasa 'sakit' kerana terpaksa jual ikan yang belum matang sebelum ia mati. Sepatutnya dijual pada harga RM22 sekilogram tetapi sebab tak mahu rugi, kena lelong RM16,"



JAMIL kerugian RM60,000 ekoran benih ikan mati di Sungai Pahang.

katanya ketika ditemui di sini.

Menurut Rosmawati, sebelum ini dia mempunyai empat sangkar yang dipenuhi ikan patin dan tilapia, namun kini hanya tinggal satu sahaja untuk makan sendiri selepas ikan yang lain dilelong.

Tambahnya, keadaan itu mengakibatkan mereka susah untuk membuat jualan lebih 100 ekor

ikan seperti sebelum ini.

"Saya rugi lebih RM10,000," katanya.

Seorang lagi pengusaha, Jamil Awang Noh, 64, berkata, kejadian itu disifatkan paling buruk pernah berlaku sepanjang 27 tahun dia menternak ikan sangkar.

"Beting pasir mula jelas kelihatan sejak Julai lalu. Kebanyakan ikan di dalam 35 sangkar yang saya usahakan terjejas dan mati kerana ketiadaan oksigen ekoran air tidak mengalir," katanya.

Ujar Jamil, dia tidak boleh lagi mengagak keadaan di sungai tersebut kerana kebanyakan 39,000 benih ikan yang dilepaskan dalam tempoh sama sebelum ini mati hingga kerugian RM60,000.

"Saya tidak lagi menjual ikan kepada pemborong sebaliknya menjual sendiri di Pekan Sehari Chenor dan di rumah untuk menjimatkan kos," katanya.

Seorang penduduk, Rosmanira Borhan, 38, berkata, kejadian itu tidak pernah berlaku seumur hidupnya.

"Tbu saya juga menganggap ia fenomena luar biasa. Sebelum ini

ada kejadian beting pasir tetapi tidaklah kering seperti sekarang," katanya.

Rosmanira berkata, walaupun di luar musim kemarau, ketiadaan taburan hujan di hulu sungai turut menjadi penyumbang kepada situasi ini.

Katanya lagi, jika sebelum ini, penduduk masih boleh berkelah dan mandi di sungai, berhampiran di beting pasir itu, kini mereka tidak lagi dapat menikmati suasananya itu.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Pesagi, Abd. Rahim Yaakob berkata, beting pasir yang terbentuk merupakan kejadian biasa berlaku setiap tahun.

Jelasnya, walaupun pembentukan beting pasir ini menghalang laluan bot dan aliran arus air, namun ia bukanlah sesuatu yang luar biasa atau pelik.

Sebelum ini Kosmo! melaporkan mengenai bekalan ikan patin hanya mampu bertahan beberapa bulan lagi ekoran kekurangan benih selain air sungai yang keruh.

## BEKALAN PATIN MAKIN KRITIKAL

Stok hanya mampu bertahan beberapa bulan lagi ekoran kekurangan benih

KERATAN Kosmo! 26 Mei 2023.